

KEFAHAMAN DAN KESEDIAAN SISWA GURU UNTUK MELAKSANAKAN PENDIDIKAN INKLUSIF

Teachers' Understanding and Willingness to Implement Inclusive Education

*Syed Ismail Syed Mustapa, PhD, Ahmad Subki Miskon,
Mohd Jim Hamzah, PhD & Edaham Ismail
Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas
e-mel: syed_ismail@ipgkik.edu.my*

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk meninjau kefahaman dan kesediaan siswa guru untuk melaksanakan pendidikan inklusif. Sampel kajian ini terdiri daripada 374 orang siswa guru yang mengikuti pelbagai program dan pelbagai peringkat pengajian di IPGKIK. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui instrumen soal selidik sebagai rujukan utama. Dapatan kajian menunjukkan bahawa secara keseluruhannya 68.8 % siswa guru faham bahawa pendidikan inklusif merupakan murid-murid berkeperluan khas ditempatkan untuk belajar bersama-sama murid normal di aliran perdana. Dapatan kajian seterusnya juga menunjukkan bahawa kesediaan mengajar siswa guru dalam semua lima (5) aspek pengajaran dan pembelajaran (skpmg2) adalah pada Tahap Tinggi (min=4.38; sp=.42). Di samping itu, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa aspek bimbingan yang diperlukan untuk melaksanakan program Pendidikan Inklusif dalam kalangan siswa guru adalah pemilihan aktiviti dalam pengajaran dan pembelajaran yang sesuai dengan keupayaan murid (306 orang; 81.8%). Selain itu, dapatan kajian menunjukkan bahawa 90% (338 orang) siswa guru menyatakan kesediaan untuk mengajar program pendidikan inklusif setelah tamat pengajian kelak dengan justifikasi bahawa semua murid-murid perlu mendapat peluang pendidikan yang sama, menjadi tanggungjawab guru untuk melunaskan tanggungjawab walau dalam apa keadaan sekali pun dan mendapatkan pelbagai pengalaman sesuai dalam situasi yang berbeza. Pengkaji mencadangkan agar setiap jabatan di IPGKIK merancang pelbagai program dan aktiviti melibatkan siswa guru yang berkaitan dengan pendidikan inklusif. Para pensyarah pula dicadangkan agar memberikan pendedahan terhadap pendidikan inklusif kepada siswa guru ketika melaksanakan mana-mana tajuk kuliah yang berkaitan dengan kursus yang dilaksanakan manakala siswa guru sendiri perlulah berusaha untuk mendapatkan maklumat berkaitan dari pelbagai sumber yang relevan.

Kata kunci: pendidikan inklusif, kesediaan mengajar, murid berkeperluan khas

ABSTRACT

The purpose of this study was to assess pre-service teachers' understanding and readiness to implement inclusive education. The study includes 374 IPGKIK students enrolled in a variety of programmes and levels of education. A primary source in this study is a questionnaire tool that employs a quantitative method. According to the study's findings, 68.8 percent understood that inclusive education entails placing special needs children in the same classroom as regular students. The results of the following study also revealed that they performed well in all five (5) aspects of teaching and learning (skpmg2) (mean = 4.38; sp = .42). Furthermore, the study's findings indicate that one aspect of the support required by pre-service teachers to implement the Inclusive Education Program is the selection of teaching and learning activities appropriate for the student's capacity (306 pre-service teachers; 81.8 percent). Moreover, the findings show that 90 percent (338 pre-service teachers) want to teach in inclusive education programmes after graduation, citing the importance of equal educational opportunities for all students. It is the responsibility of pre-service teachers to keep their duties regardless of circumstances, in various settings, and gain various relevant experiences. According to the researcher, each department at IPGKIK should plan a series of inclusive education-related programmes and events involving pre-service teachers. Lecturers are encouraged to provide inclusive

education to them when teaching any course topic. On the other hand, they should try to gather useful material from a variety of sources.

Keywords: inclusive education, teaching readiness, special needs students

PENGENALAN

Malaysia telah meratifikasikan Konvensyen Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) Mengenai Hak Orang Kurang Upaya (OKU) pada 6 Julai 2010, untuk memastikan OKU dapat menikmati hak asasi mereka kepada kehidupan, tidak diskriminasi, hak sama rata, akses kepada keadilan. Justeru Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menerusi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 telah menyatakan dengan jelas bahawa setiap murid perlu diberikan peluang untuk mengikuti pembelajaran, termasuk murid berkeperluan khas (MBK). MBK ini juga perlu menerima pendidikan berkualiti setanding dengan rakan-rakan mereka yang berada di arus perdana. Selain itu, KPM juga telah memperhebat usaha untuk menyediakan pendidikan khas kepada lebih ramai MBK melalui pelaksanaan pendidikan inklusif dalam Gelombang 2. Program Pendidikan Inklusif (PPI) bertujuan untuk menyediakan peluang pendidikan kepada MBK untuk berada dalam kelas biasa bersama dengan murid arus perdana.

Secara umumnya PPI adalah selaras dengan pernyataan dalam Peraturan-peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 2013 iaitu suatu program pendidikan bagi murid berkeperluan pendidikan khas yang dihadiri oleh murid berkeperluan khas bersama-sama dengan murid lain dalam kelas yang sama di sekolah kerajaan atau sekolah bantuan kerajaan. PPI boleh dilaksanakan secara inklusif penuh dan inklusif separa. Inklusif penuh adalah MBK belajar secara sepenuh masa bersama-sama murid arus perdana. MBK mengikuti pembelajaran bagi semua mata pelajaran akademik berasaskan kurikulum kebangsaan atau kurikulum kebangsaan yang diubah suai dengan bantuan atau tanpa bantuan perkhidmatan sokongan. Inklusif separa pula merujuk MBK belajar bersama-sama murid arus perdana bagi mata pelajaran akademik atau aktiviti koakademik atau aktiviti kokurikulum tertentu sahaja mengikut keupayaan mereka. MBK yang mengikuti inklusif separa bagi mata pelajaran akademik berasaskan kurikulum kebangsaan atau kurikulum kebangsaan yang diubah suai dengan sedikit atau tanpa bantuan perkhidmatan sokongan. Inklusif separa bagi aktiviti akademik atau kokurikulum adalah berdasarkan potensi, bakat dan keupayaan mereka.

PPI ini telah pun dimasukkan dalam Sasaran Kerja Utama, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sebagaimana terkandung dalam buku Perancangan Strategik Pendidikan Khas Wawasan 2020. Salah satu sasaran KPM ialah mengintegrasikan MBK dengan murid arus perdana di sekolah biasa. PPI dapat memberi peluang kepada MBK untuk menikmati segala peluang dan pembelajaran sebagaimana yang dirasakan, dialami dan dinikmati oleh rakan sebaya mereka yang normal iaitu tanpa kecacatan dalam bilik darjah di sekolah biasa. PPI juga memberi kesedaran kepada masyarakat supaya tidak menafikan potensi MBK dan percaya bahawa ketidakupayaan mereka boleh diminimumkan jika diberi peluang yang sama (Peraturan-Peraturan Pendidikan Khas, 2013).

Matlamat utama pelaksanaan PPI adalah bagi membolehkan MBK terlibat secara aktif dalam pelbagai aktiviti di sekolah dan komuniti. Pergaulan antara MBK dan murid arus perdana akan memberikan manfaat kepada semua melalui peningkatan kefahaman murid arus perdana mengenai rakan MBK. Pergaulan sesama murid ini juga diharapkan akan dapat menyemai sikap bekerjasama, saling membantu dan dapat membina keyakinan diri dalam melakukan pelbagai aktiviti sekolah. Menerusi pelaksanaan PPI, semua murid akan mengikuti kurikulum yang sama dan mendapat bimbingan daripada guru arus perdana dengan bantuan guru pendidikan khas. Bantuan yang sewajarnya disediakan untuk membolehkan MBK mengambil bahagian dalam interaksi sosial dan belajar bersama-sama rakan mereka di dalam kelas arus perdana.

Pelaksanaan PPI merupakan suatu proses transformasi pendidikan yang mencabar kerana guru yang terlibat perlu dilengkapi dengan pengetahuan bidang pendidikan khas yang kukuh, pedagogi

inklusif pengajaran dan pembelajaran yang mantap untuk menyakinkan ibu bapa agar mereka dapat membenarkan anak-anak mereka yang merupakan MBK untuk menyertai program pendidikan inklusif di sekolah. MBK dinilai kelayakannya untuk diinkluskikan berdasarkan senarai semak kesediaan inklusif murid bekeperluan khas yang akan menentukannya untuk belajar di kelas bersama-sama dengan murid normal di kelas aliran perdana.

Di samping itu pelaksanaan PPI ini memerlukan guru-guru aliran perdana untuk mendidik MBK di kelas aliran perdana. Hal ini membolehkan MBK untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran dan menjadikan kehidupan mereka di sekolah akan menjadi lebih bermakna. Justeru, guru memainkan peranan utama dalam menentukan hala tuju dan kejayaan pendidikan inklusif di negara ini. Tahap kesediaan guru dalam melaksanakan pendidikan inklusif khususnya guru perdana merupakan indikator utama yang akan menentukan kejayaan pelaksanaan inklusif. Sehubungan itu, kajian ini dijalankan bagi melihat tahap kefahaman dan kesediaan siswa guru dalam melaksanakan pendidikan inklusif di sekolah kelak.

PERNYATAAN MASALAH

Suasana dan persekitaran bilik darjah juga mempunyai pengaruh yang besar terhadap penyampaian guru serta merangsang pembelajaran murid. Iklim dan persekitaran yang inklusif dan mesra pembelajaran akan dapat merangsang tumpuan, meningkatkan penyertaan dalam aktiviti pembelajaran serta mencungkil potensi terpendam murid. Namun begitu, terdapat juga segelintir ibu bapa yang risau dengan pelaksanaan pengajaran yang mana sekiranya dengan kemasukan kanak-kanak yang mempunyai latar belakang yang pelbagai akan memberi kesan negatif kepada anak mereka (Hannah Aqilah, Rosadah & Manisah, 2019). Beberapa kajian mendapati bahawa persepsi terhadap PPI di Malaysia merupakan sesuatu yang tidak konsisten dan kabur dalam kalangan guru aliran perdana termasuk guru-guru pendidikan khas. Hal ini kerana, terminologi ‘inklusif’ sendiri sehingga kini tidak jelas ditakrifkan oleh mereka yang bertanggungjawab, sama ada penggubal dasar serta para guru di sekolah (Manisah, Ramlee & Zalizan, 2006; Lee & Low, 2013). Kajian lain mendapati bahawa pendedahan tentang matlamat, objektif serta garis panduan yang tidak terfokus menjadikan guru berasa kabur untuk merancang dan mengendalikan PPI secara berkesan (Mohd Zuri & Aznan, 2012).

Seterusnya antara isu yang sering kali ditemui dalam PPI ialah permasalahan guru mata pelajaran arus perdana dalam pelaksanaan pengajaran di dalam kelas-kelas PPI untuk MBK. Salah satu faktor permasalahan pengajaran guru adalah dari aspek pengetahuan pedagogi. Hasil kajian menunjukkan pelaksanaan PPI bagi MBK kurang berjaya dilaksanakan sepenuhnya kerana terdapat banyak halangan dan cabaran (Siti Fatimah & Mustafa, 2018). Antara permasalahan guru yang telah dikenal pasti adalah seperti pengetahuan pedagogi, kaedah pengajaran, bimbingan berkesan, bebanan tugas, motivasi dan sikap guru (Shamsiah, 2017; Che Azhar, 2017).

Di samping itu terdapat juga kajian yang menunjukkan bahawa pelaksanaan Pendidikan Inklusif (PI) di sekolah rendah harian adalah kurang memuaskan. Hal ini kerana dapatan kajian menunjukkan secara keseluruhannya dari aspek kesediaan guru aliran perdana melaksanakan pendidikan inklusif adalah negatif. Ini bukanlah bermaksud mereka menolak dan tidak melaksanakan PI sepenuhnya, tetapi pelaksanaannya berada pada tahap yang sangat sederhana. Penambahbaikan dari aspek latihan dan pengetahuan berkaitan PI dilihat dapat membantu meningkatkan tahap pengetahuan guru aliran perdana seterusnya memberikan persepsi positif yang dapat meningkatkan kesediaan pelaksanaan PI dalam kalangan guru aliran perdana (Mohd Mokhtar & Farhana, 2019).

Kajian secara deskriptif juga menunjukkan tahap pengetahuan guru perdana terhadap PI adalah sederhana dan keputusan skor min antara pengetahuan guru perdana dan PI berdasarkan pengalaman mengajar pula juga adalah sederhana (Rohaizat Ibrahim, 2019). Walaupun terdapat banyak kebaikan yang diperoleh melalui PI, namun penglibatan MBK dalam PI masih lagi rendah (Ibrahim & Abu Talib, 2019). Hal ini terbukti apabila Statistik dan Data Pelaksanaan PI di Malaysia menunjukkan hanya 40.54% MBK sahaja yang berjaya mengikuti PI di sekolah berbanding dengan sasaran kerajaan iaitu 40.88 % (BPK, 2017).

Dalam konteks latihan guru pula, kajian mendapati bahawa guru pelatih berpendapat bahawa program pendidikan guru masih belum mencukupi bagi memastikan mereka bersedia dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk mengajar murid berkeperluan khas (Toran et al., 2016). Seterusnya berdasarkan pemerhatian yang dilakukan, didapati bahawa siswa guru semester enam Institut Pendidikan Guru kampus Dato' Razali Ismail (IPGKDRI) tidak begitu memahami akan PI sebelum mempelajari kursus ini pada semester enam. Dalam proses mengikuti kursus ini, pengetahuan siswa guru masih pada tahap sederhana kerana pendedahan yang jelas dan terperinci tidak diberikan dan masa yang diperuntukkan untuk mempelajarinya amat terhad. Selain itu, disebabkan Pendidikan Inklusif ini adalah merupakan suatu program baru telah menyebabkan ramai siswa guru yang tidak begitu meminati akan kursus ini kerana mereka merasakan bahawa mereka tidak akan berhadapan dengan situasi ini di sekolah kelak (Nur Nabilah, Rabiatal Adawiyah & Sukri, 2019). Oleh yang demikian, wujud keperluan untuk mengenal pasti tahap pengetahuan dan kesediaan siswa guru untuk melaksanakan PI setelah mereka tamat mengikuti program pengajian di IPG kelak.

TINJAUAN LITERATUR

PI merujuk amalan pendidikan berasaskan falsafah bahawa semua kanak-kanak termasuk kanak-kanak bermasalah pembelajaran mempunyai hak yang sama untuk mendapat pendidikan bersama-sama dalam bilik darjah serta mengikuti kurikulum yang sama (Latif, 2012). Selain itu terdapat juga pendapat yang menyatakan bahawa PI merupakan satu program pendidikan untuk murid berkeperluan khas yang belajar bersama-sama dengan murid lain dalam kelas yang sama di sekolah kerajaan atau sekolah bantuan kerajaan (Lee & Sailajah, 2018). Oleh yang demikian, sokongan padu antara guru aliran perdana dan guru pendidikan khas adalah penting dan merupakan satu pendekatan yang holistik yang dapat memberi pengajaran yang berkesan kepada murid-murid (Buli-Holmberg & Jeyaprathaban, 2016).

Seterusnya terdapat juga kajian yang menunjukkan bahawa program pendidikan inklusif diurus secara domestik oleh pihak pengurusan Program Pendidikan Khas Integrasi (Masalah Pembelajaran). Program ini dijalankan secara sepenuh masa dan separa masa bergantung kepada sumber manusia dan murid yang mengikuti program tersebut. Program ini boleh ditambah baik jika perkhidmatan guru pembimbing disediakan dan guru biasa yang terlibat dalam program serta diberikan pendedahan mengenai pendidikan khas (Noor Aini, 2014).

Dari sudut penerimaan ibu bapa pula, terdapat kajian yang menunjukkan tahap penerimaan ibu bapa berada di tahap yang memuaskan. Dengan itu, ibu bapa masih boleh menerima anak khas mereka ditempatkan dalam kelas inklusif (Phin & Mohd Hanafi, 2019). Dapatan kajian turut menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi guru dengan tahap kesediaan guru aliran perdana dalam melaksanakan PI (Mohd Mokhtar & Farhana, 2019). Selain itu, kajian lain pula menunjukkan efikasi sendiri guru perdana terhadap penerimaan MBK di kelas perdana berada pada tahap yang rendah (Yada & Savolainen, 2017) dan sederhana (Kuyini, Desai, & Sharma, 2018).

Banyak kajian yang telah dilakukan menunjukkan bahawa masih ramai yang tidak memahami tentang PI (Abdul Rahim et. al, 2019; Pratiwi & Annisa, 2018; Muhammad Radhana, 2017; Nissa, 2016). Kekurangan pengetahuan dan pendedahan terhadap PI ini tidak hanya berlaku di negara kita malah turut berlaku di negara-negara. Hal ini menunjukkan bahawa kesedaran orang ramai tentang PI ini masih kurang dan tidak ramai yang mengetahui akan wujudnya program ini secara khusus. Dalam konteks latihan keguruan pula, kajian menunjukkan bahawa pengetahuan PI dalam kalangan siswa guru semester enam IPGKDRI berada pada tahap sederhana tinggi (Nur Nabilah, Rabiatal Adawiyah & Sukri, 2019).

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk meninjau kefahaman dan kesediaan untuk melaksanakan pendidikan inklusif dalam kalangan siswa guru IPG Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur. Kesediaan melaksanakan

pengajaran melibatkan lima (5) aspek seperti yang terdapat dalam skpmg2 iaitu perancangan, pengawal, bimbingan, pendorong dan penilai.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif khusus adalah untuk mengenal pasti;

- i Kefahaman terhadap PPI dalam kalangan siswa guru;
- ii Tahap kesediaan melaksanakan PI dalam kalangan siswa guru;
- iii Aspek bimbingan yang diperlukan untuk melaksanakan PPI dalam kalangan siswa guru;
- iv Kesediaan siswa guru untuk melaksanakan PI setelah tamat pengajian.

Persoalan Kajian;

- i. Apakah kefahaman terhadap PPI dalam kalangan siswa guru?
- ii. Apakah tahap kesediaan melaksanakan PI dalam kalangan siswa guru?
- iii. Apakah aspek bimbingan yang diperlukan untuk melaksanakan PPI dalam kalangan siswa guru?
- iv. Adakah siswa guru bersedia untuk melaksana PI setelah tamat pengajian kelak?

REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif sebagai cara mengumpul data utama melalui kaedah kajian tinjauan. Satu set instrumen kajian telah diedarkan kepada semua siswa guru yang menjadi responden dalam kajian ini. Instrumen tersebut meliputi enam (6) bahagian seperti yang berikut;

- Bahagian A : Latar Belakang Staf
Bahagian B : Kefahaman Terhadap Pendidikan Inklusif
Bahagian C : Kesediaan Melaksanakan Pendidikan Inklusif
Bahagian D : Aspek Bimbingan Yang Diperlukan
Bahagian E : Kesediaan Untuk Mengajar Pendidikan Inklusif
Bahagian F : Soalan Respon Terbuka

Setiap item dijawab berdasarkan Skala Likert dengan 1. Sangat tidak setuju; 2. Tidak setuju; 3. Kurang setuju; 4. setuju; dan 5. Sangat setuju.

Model Penilaian KIPP

Kajian ini dilaksanakan dengan menggunakan Model Penilaian KIPP yang memberikan fokus kepada penggunaan model penilaian yang dikemukakan oleh Stufflebeam & Shinkfield, (2007). Model KIPP mulai dibentuk pada lewat 60-an oleh Stufflebeam untuk memenuhi kehendak penilaian yang berorientasikan objektif. Menerusi konsep penilaian yang dikemukakan oleh Stufflebeam menyatakan bahawa penilaian seharusnya menjadi "sains pengumpulan maklumat untuk membuat keputusan". Tugas para penilai ialah mengumpul data, merancang, menganalisis menyediakan maklumat untuk memilih tindakan alternatif dan melaporkan. Menurut beliau lagi, tindakan boleh dibuat dalam empat bahagian iaitu keputusan mengenai persekitaran (konteks), keputusan mengenai sumber (input), keputusan mengenai pelaksanaan (proses) dan keputusan mengenai hasil (produk). Modelnya juga dikenali sebagai model Konteks-Input-Proses-Produk (KIPP).

Rajah 1

Penggunaan Model KIPP dalam Kajian PI



Berdasarkan Rajah 1, tujuan Model KIPP dijadikan rujukan adalah untuk mengaitkan matlamat, konteks, input dan proses dengan hasil program. Dengan menggunakan model KIPP, pengkaji juga boleh mendapatkan maklumat berkaitan kesesuaian persekitaran dalam membantu pencapaian matlamat dan objektif program, khususnya berkaitan pendedahan terhadap PI kepada siswa guru. Di samping itu juga, penilaian ini dibuat untuk memperbaiki sesuatu program dan bukan menjurus untuk membuktikan akan sesuatu kebenaran. Model ini bertujuan untuk menggalakkan pertumbuhan dan membantu para pensyarah, jabatan dan IPGK yang bertanggungjawab dalam latihan keguruan untuk menggunakan maklumat dan sumber daripada kajian ini bagi menambah baik program latihan, khususnya berkaitan dengan pendedahan berkaitan PPI.

Dengan menggunakan Model KIPP, penilaian boleh dibuat untuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahan beberapa objek seperti institusi, program, sasaran populasi/individu dan juga untuk menyediakan sesuatu satu garis panduan untuk perubahan. Keputusan yang diperolehi nanti merupakan asas untuk memperbaiki matlamat yang sedia wujud dan menentukan sesuatu perubahan.

KESAHAN DAN KEBOLEHPERCAYAAN

Sebelum menjalankan kajian, instrumen yang dibina telah diuji kesahan dan kebolehpercayaan setiap item yang diuji. Bagi tujuan kesahan, pengkaji telah menjalankan kesahan kandungan dengan merujuk instrumen tersebut kepada 3 orang pakar iaitu seorang Ketua Jabatan, seorang Ketua Unit dan seorang pensyarah kanan yang secara langsung juga terlibat dalam pengajaran dan pembelajaran di kampus. Teguran dan pandangan daripada 3 orang pakar ini telah diambil kira dalam pemurnian dari segi penggunaan bahasa, kejelasan maksud dan isi kandungan setiap item yang dibina.

Instrumen yang telah diuji kesahannya itu diuji pula kepada 15 orang siswa guru yang tidak terlibat dalam kajian ini untuk menguji kebolehpercayaan item yang dibina. Setelah diuji, pengkaji mendapati bahawa reabiliti instrumen adalah 0.962 yang melibatkan 31 item. Oleh yang demikian, item yang dibina boleh digunakan untuk tujuan kajian dan dapat mengukur setiap konstruk yang terdapat dalam kajian ini.

ANALISIS DATA DAN PERBINCANGAN HASIL KAJIAN

Data-data yang diperoleh dianalisis dengan berpandukan program `Statistical Package for the Social Science (SPSS) Version 22.0. Pengkaji melaksanakan pentaksiran skor min berasaskan pentaksiran oleh Nunnally & Bernstein (1994), dengan mengintepretasikan min tahap kesediaan kesediaan melaksanakan PI dalam kalangan siswa guru dalam kajian ini seperti yang berikut:

Jadual 1

Jadual Penentuan Min

BIL	Nilai Min	Aras
1	4.01 hingga 5.00	Tinggi
2	3.01 hingga 4.00	Sederhana Tinggi
3	2.01 hingga 3.00	Sederhana Rendah
4	1.00 hingga 2.00	Rendah

Sumber: Nunnally, J. C. & Bernstein 1994

Bagi mendapatkan data yang diperlukan, pengkaji telah melakukan persampelan rawak mudah. Untuk tujuan itu, pengkaji telah mengedarkan satu instrumen soal selidik kepada semua siswa guru IPGKIK. Daripada jumlah keseluruhan siswa guru (979), 374 orang telah menjawab instrumen yang diedarkan. Pemilihan sampel yang sesuai bagi sesuatu kajian adalah 30 peratus daripada keseluruhan populasi (Krejcie & Morgan, 1970). Oleh yang demikian, jumlah sampel tersebut adalah mencukupi dan sesuai untuk tujuan kajian. Taburan sampel ditunjukkan seperti dalam Jadual 2.

Jadual 2

Bil Keseluruhan Sampel

Bil	Program Pengajian	Bil Sampel	Peratus	Jantina
1	PRA Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PPISMP) Semester 2	172	46.0	
2	Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) Semester 2	120	32.1	
3	Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) Semester 4	9	2.4	Lelaki = 129 (34.5%)
4	Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) Semester 6	21	5.6	
5	Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) Semester 8	33	8.8	Perempuan = 245 (65.5%)
6	Program Diploma Pasca Siswazah Pendidikan (PDPP) Semester 3	11	2.9	
7	Program Intervensi Tambah Opsyen (PITO)	8	2.1	
Jumlah Keseluruhan		374	100.0	

Berdasarkan Jadual 2, secara keseluruhannya terdapat 374 orang siswa guru yang terdiri daripada pelbagai program pengajian telah menjawab instrumen yang diedarkan. Daripada jumlah tersebut, 129 orang (34.5%) adalah lelaki manakala 245 (65.5%) adalah perempuan. Analisis data seterusnya

menunjukkan bahawa siswa guru yang mengikuti pengajian PPISMP Semester 2 yang paling banyak menjawab instrument tersebut (172 orang; 46.0%).

Untuk menjawab persoalan pertama kajian iaitu apakah kefahaman terhadap program pendidikan inklusif dalam kalangan siswa guru, dapatan kajian ditunjukkan dalam Jadual 3.

Jadual 3

Kefahaman Terhadap Pendidikan Inklusif dalam Kalangsan Siswa Guru

Bil	program yang dibangunkan	Pernyataan yang khas	PRA PISMP	PISMP SEM 2	PISMP SEM 4	PISMP SEM 6	PISMP SEM 8	PDPP	PITO	n	%
1	oleh IPGKIK untuk murid-murid berkeperluan khas.		56	24	3			1		84	22.4
2	murid-murid yang lemah dari aliran perdana ditempatkan untuk belajar bersama-sama dengan murid-murid berkeperluan khas		7	3		1	2			13	3.5
3	murid-murid berkeperluan khas dari pelbagai kategori ditempatkan dalam satu kelas yang sama		11	7		2				20	5.3
4	murid-murid berkeperluan khas ditempatkan untuk belajar bersama-sama murid normal di aliran perdana		98	86	6	18	31	10	8	257	68.8

Berdasarkan Jadual 3, dapatan kajian menunjukkan bahawa secara keseluruhannya 257 orang (68.8 %) siswa guru faham bahawa PI merupakan satu program yang mana murid-murid berkeperluan khas ditempatkan untuk belajar bersama-sama murid normal di aliran perdana. Majoriti mereka adalah siswa guru dari program PPISMP (96 orang) dan siswa guru PISMP Semester 2 (86 orang).

Untuk menjawab persoalan kedua kajian iaitu apakah tahap kesediaan melaksanakan PI dalam kalangan siswa guru, dapatan kajian ditunjukkan dalam Jadual 4.

Jadual 4

Tahap Kesediaan Melaksanakan PI dalam Kalangan Siswa Guru

Bil	Pengkhususan	Perancangan	Pengawal	Bimbingan	Pendorong	Penilai	Mis	Keseluruhan					
1	Pendidikan Khas (n=94)	4.58	0.47	4.40	0.48	4.47	0.47	4.49	0.43	4.51	0.46	4.49	0.41
2	Seni Visual (n=38)	4.42	0.77	4.38	0.49	4.51	0.48	4.42	0.54	4.58	0.45	4.45	0.45

3	Pendidikan Islam (n=35)	4.39	0.49	4.18	0.38	4.25	0.40	4.23	0.45	4.33	0.45	4.27	0.38
4	Pengkhususan Bahasa Inggeris (n=72)	4.34	0.51	4.26	0.49	4.32	0.49	4.34	0.47	4.34	0.49	4.32	0.41
5	Pendidikan Muzik (n=41)	4.55	0.50	4.28	0.49	4.49	0.53	4.42	0.50	4.52	0.50	4.44	0.44
6	Pendidikan Jasmani & Kesihatan (n=57)	4.26	0.48	4.16	0.45	4.29	0.44	4.28	0.43	4.32	0.45	4.26	0.38
7	Pengajian Bahasa Melayu (n=37)	4.42	0.51	4.32	0.44	4.31	0.45	4.47	0.44	4.47	0.44	4.41	0.38
8	Jumlah Keseluruhan (374)	4.43	0.53	4.29	0.47	4.39	0.47	4.39	0.47	4.43	0.47	4.38	0.42

Merujuk Jadual 4, dapatan kajian menunjukkan bahawa secara keseluruhannya kesediaan mengajar siswa guru dalam semua lima (5) aspek pengajaran dan pembelajaran (skpmg2) adalah pada tahap tinggi (min=4.38; sp=.42). Selain itu dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa terdapat dua (2) aspek kesediaan mengajar mencatatkan min tertinggi iaitu perancangan pengajaran (min 4.43; sp= .53) dan penilai pengajaran (min 4.43; sp= .47). Jika diteliti mengikut pengkhususan pengajian pula, tahap kesediaan siswa guru Pengkhususan Pendidikan Khas mencatatkan min tertinggi iaitu 4.49 (sp= .41).

Seterusnya untuk menjawab persoalan ketiga kajian iaitu apakah aspek bimbingan yang diperlukan untuk melaksanakan PPI dalam kalangan siswa guru, dapatan kajian ditunjukkan dalam Jadual 5.

Jadual 5

Aspek Bimbingan Yang diperlukan oleh Siswa Guru


Bil	Bimbingan yang diperlukan ...	n	%
1	Pemilihan aktiviti dalam pengajaran dan pembelajaran yang sesuai dengan keupayaan murid	306	81.8
2	Memilih dan menentukan kaedah pentaksiran yang sesuai dengan kebolehan murid.	292	78.1
3	Bimbingan dalam perancangan pengajaran.	287	76.7
4	Menentukan agihan masa bagi setiap aktiviti dalam pengajaran mengikut keupayaan murid	221	59.1
5	Pengurusan bilik darjah yang melibatkan murid dari pelbagai tahap kebolehan dan kecerdasan.	221	59.1
6	Untuk mengenal pasti perbezaan antara individu dalam kalangan murid	162	43.3

Berdasarkan Jadual 5, dapatan kajian menunjukkan bahawa aspek bimbingan yang diperlukan untuk melaksanakan PPI dalam kalangan siswa guru adalah pemilihan aktiviti dalam pengajaran dan pembelajaran yang sesuai dengan keupayaan murid (306 orang; 81.8%). Di samping itu juga, bimbingan lain yang diperlukan oleh siswa guru adalah untuk memilih dan menentukan kaedah pentaksiran yang sesuai dengan kebolehan murid (292 orang; 78.1%) manakala 227 orang (76.7%) memerlukan bimbingan dalam aspek perancangan pengajaran.

Untuk menjawab persoalan keempat kajian pula iaitu adakah siswa guru bersedia untuk mengajar PPI setelah tamat pengajian kelak, dapatan kajian ditunjukkan seperti dalam Rajah 2.

Rajah 2

Kesediaan Mengajar Program Pendidikan Inklusif



Berdasarkan Rajah 2, dapatan kajian menunjukkan bahawa 90% (338 orang) siswa guru menyatakan kesediaan mereka untuk mengajar PPI. Bakinya sebanyak 10% lagi (36 orang) siswa guru menyatakan tidak sanggup untuk mengajar PPI. Berdasarkan analisis melalui soalan respon terbuka, antara justifikasi yang diberikan oleh siswa guru terhadap kesediaan mereka mengajar dalam PPI adalah seperti berikut;

- ii. semua murid perlu mendapat peluang pendidikan yang sama;
- iii. menjadi tanggungjawab guru untuk melunaskan tanggungjawab walau dalam apa keadaan sekali pun; dan
- iv. mendapatkan pelbagai pengalaman sesuai dalam situasi yang berbeza.

PERBINCANGAN

Secara menyeluruhnya kajian menunjukkan bahawa siswa guru faham bahawa PI merupakan satu program untuk murid-murid berkeperluan khas yang ditempatkan untuk belajar bersama-sama murid normal di aliran perdana. Namun begitu terdapat juga sebilangan siswa guru yang masih belum memahami PI dan bagaimana pelaksanaannya di sekolah kelak. Justeru, adalah menjadi tanggungjawab semua jabatan akademik di IPGKIK untuk memberikan pendedahan sepenuhnya kepada siswa guru berkaitan dengan PI. Walaupun dapatan kajian menunjukkan terdapat sebilangan siswa guru yang masih belum memahami konsep PI, namun begitu dapatan kajian juga menunjukkan bahawa secara keseluruhannya kesediaan mengajar siswa guru dalam semua lima (5) aspek pengajaran dan pembelajaran (skpmg2) adalah pada tahap tinggi, khususnya dalam aspek perancangan pengajaran dan penilai pengajaran. Ini secara langsung menunjukkan bahawa siswa guru boleh melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dalam PPI.

Seterusnya kajian menunjukkan bahawa aspek bimbingan yang diperlukan untuk melaksanakan program PI dalam kalangan siswa guru adalah pemilihan aktiviti dalam pengajaran dan pembelajaran yang sesuai dengan keupayaan murid. Oleh yang demikian, setiap pensyarah penyelia yang terlibat dalam amalan profesional (praktikum) perlulah memberikan bimbingan yang sepenuhnya kepada siswa guru ketika mereka menjalani praktikum. Unit praktikum sendiri boleh mengambil inisiatif untuk mengadakan bengkel atau sesi pendedahan PI kepada siswa guru sebelum mereka keluar menjalani praktikum kelak.

RUMUSAN DAN CADANGAN

Berdasarkan dapatan keseluruhan kajian ini, dapat dirumuskan bahawa secara keseluruhannya siswa guru faham bahawa PI merupakan satu program murid-murid berkeperluan khas ditempatkan untuk belajar bersama-sama murid normal di aliran perdana. Walau bagaimanapun pendedahan PI perlu diberikan khususnya kepada siswa guru Pra-PISMP yang kebanyakan masih kurang memahami konsep terhadap PI. Ini juga selari dengan kajian terdahulu yang mendapati bahawa program pendidikan guru masih belum mencukupi bagi memastikan mereka bersedia dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk mengajar murid berkeperluan khas (Toran et al., 2016).

Seterusnya dapatlah juga dirumuskan bahawa kesediaan mengajar dalam semua lima (5) aspek pengajaran dan pembelajaran (skpmsg2) adalah pada tahap tinggi. Walau bagaimanapun SG masih mengharapkan agar mereka diberikan bimbingan untuk membuat pemilihan aktiviti dalam pengajaran dan pembelajaran yang sesuai dengan keupayaan murid. Dapatan ini juga selari dengan kajian terdahulu bahawa antara permasalahan guru yang telah dikenal pasti adalah seperti pengetahuan pedagogi, kaedah pengajaran, bimbingan berkesan, bebanan tugas, motivasi dan sikap guru (Shamsiah, 2017; Che Azhar, 2017).

Sehubungan dengan itu semua jabatan di IPG dicadangkan agar merancang pelbagai program dan aktiviti yang melibatkan siswa guru yang berkaitan dengan PI, melaksanakan kajian-kajian yang berkaitan PI dan dikongsikan bersama dengan warga serta melaksanakan program kolaboratif dengan mana-mana sekolah atau agensi untuk berkongsi kepakaran dalam aspek PI. Sementara itu para pensyarah pula dicadangkan untuk memberikan pendedahan PI kepada siswa guru ketika melaksanakan mana-mana tajuk kuliah yang berkaitan dengan kursus yang dilaksanakan dan perlu sering memberikan galakan kepada siswa guru untuk mendapatkan pelbagai maklumat yang berkaitan PI sebagai pendedahan awal, khususnya sebelum menjalani praktikum. Guru sendiri pula dicadangkan agar mengambil inisiatif untuk mendapatkan maklumat berkaitan PI dari pelbagai sumber maklumat dan mengikuti bengkel dan sebarang kursus yang berkaitan untuk meningkatkan kefahaman terhadap PI.

RUJUKAN

- Abdul Rahim et. al. (2019). Tahap minat, pengetahuan dan kemahiran, latihan guru dan beban tugas guru program pemulihan khas sekolah kebangsaan daerah Pontian, Johor. Universiti Teknologi Malaysia.
- Bahagian Pendidikan Khas. (2017). *Pelaksanaan program pendidikan inklusif*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Buli-Holmberg, J., & Jeyaprathaban, S. (2016). Effective practice in inclusive and special needs education. *International Journal of Special Education*, 31(1), 119-134.
- Hannah Aqilah Amran¹, Rosadah Abd Majid & Manisah Mohd. Ali. (2019). Cabaran guru pendidikan khas pada abad ke-21. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4 (26), 113-122.
- Ibrahim, R., & Abd Talib, L. (2019). Teachers' acceptance towards the inclusive education program for students with hearing impairment. *Journal of ICSAR*, 3(1), 48-53.
- Jong Yii Phin & Mohd Hanafi Mohd Yasin. (2019). Tahap penerimaan ibu bapa dalam program pendidikan inklusif (modul holistik) di satu daerah di negeri Sarawak. *International Conference on Global Education VII "Humanising Technology For IR 4.0"*, 450-461.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Garis panduan program pendidikan inklusif murid berkeperluan khas (PPIMBK)*. Bahagian Pendidikan Khas.

- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan induk pembangunan pendidikan (PIPP)*. Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Krejeie, R. V. & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research. *Educational and Psychological Measurement*, 207 -210.
- Latif Ahmad. (2012). Development of instrument for measuring the attitude of teachers, administrators and policy makers towards inclusive education. *Interdisciplinary Journal of Contemporary Research in Business*, 4 (5): 86-101.
- Lee, L. W., & Low, H. M. (2014). The evolution of special education in Malaysia. *British Journal of Special Education*, 41(1), 42-58. <http://doi:10.1111/1467-8578.12048>.
- Lee, S., Soukup, J.H., Little, T.D. & Wehmeyer, M.L. (2009). Student and teacher variables contributing to access to the general education curriculum for students with intellectual and developmental disabilities. *The Journal of Special Education* 43(1): 29-44 <http://sed.sagepub.com.www.ezplib.ukm.my/content/43/1/29.full.pdf+html>.
- Lee. K. C & Sailajah Nair Sukumaran. (2018). *Pendidikan inklusif*. Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Manisah Ali, Ramlee Mustapha & Zalizan Mohd Jelas. (2006). An empirical study on teachers' perceptions towards inclusive education in Malaysia. *International Journal of Special Education*, 21(3), 36-44.
- Mohd Zuri Ghani & Aznan Che Ahmad. (2012). Teachers' perception towards the implementation of inclusive education in Penang, Malaysia. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 20(4), 961-972.
- Mohd. Mokhtar Tahar & Farhana Najib. (2019). Kesiediaan guru aliran perdana terhadap pelaksanaan pendidikan inklusif. *E-prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan*. 24-25 April, Kolej Universiti Islam Antarabangsa, Selangor; 218-228.
- Muhammad Radhana Alfaris. (2017). *Dukungan sosial dan aksesibilitas pendidikan inklusi di perguruan tinggi berorientasi masa Widyagama Malang*. *Depan & Kontinuitas*. Universitas Widyagama Malang.
- Nissa Tarnoto. (2016). Permasalahan-Permasalahan yang dihadapi Sekolah Penyelenggara Pendidikan Inklusi Pada Tingkat SD. *Humanitas*, 13(1), 50-61.
- Noor Aini Ahmad. (2014). Pengurusan program pendidikan inklusif bagi murid bermasalah pembelajaran: kajian secara naratif inkuiri inclusive education program management for students with learning difficulties: a narrative inquiry study. *Management Research Journal*, 3, 38-52.
- Nunnally, J. C., & Bernstein. (1994). *Psychometric theory*. (Edisi ketiga). McGraw-Hill.
- Nur Nabilah Ahmad Latpi, Rabiatul Adawiyah Azhan & Sukri Berahim. (2019). Pengetahuan pendidikan inklusif dalam kalangan siswa guru semester enam IPGKDRI. *Seminar Antarabangsa Isu-Isu Pendidikan (ISPEN)*, 152-160.
- Pratiwi Widyasari & Annisa Ainina Novara. (2018). Peran Strategi Pengajaran Guru dalam Relasi antara Efikasi Guru dan Penerimaan Teman Sebaya Terhadap Siswa di Sekolah Inklusif. *Jurnal Psikologi Sosial*, 16(2), 101-113.

- Rohaizat Ibrahim. (2019). Pengetahuan guru perdana terhadap program pendidikan inklusif. *Special Education International Conference (SEIC)*, 25-27.
- Sharma, U., Aiello, P., Pace, E. M., Round, P., & Subban, P. (2018). In-service teachers' attitudes, concerns, efficacy and intentions to teach in inclusive classrooms: an international comparison of Australian and Italian teachers. *European Journal of Special Needs Education*, 33(3), 437–446. <https://doi.org/10.1080/08856257.2017.1361139>.
- Siti Fatimah Salleh & Mustafa Che Omar. (2018). Masalah pengajaran guru dalam program pendidikan inklusif di sekolah. *Asian People Journal (APJ)*, 1 (2), 243-263.
- Stufflebeam, D. L. & Shinkfield, A. J. (2007). *Evaluation theory, models and applications*. Jossey-Bass A Wiley Imprint.
- Toran, H., Westover, J. M., Sazlina, K., Suziyani, M., & Mohd Hanafi, M. Y. (2016). The Preparation, Knowledge and Self Reported Competency of Special Education Teachers regarding Students with Austism. *Pertanika Journal of Science & Humanity*, 24(1), 1–12.
- Yada, A., & Savolainen, H. (2017). Japanese in-service teachers' attitudes toward inclusive education and self-efficacy for inclusive practices. *Teaching and Teacher Education*, 64, 222–229. <https://doi.org/10.1016/j.tate.2017.02.005>.